



UKM-SPKP-JP-PK06-BO13

No. Semakan: 01

Tarikh Kkuatkuasa: 01/02/2013

PERMOHONAN PENGAJIAN SEPARUH MASA / PENGAJIAN JARAK JAUH (PJJ) / PROGRAM EKSEKUTIF

1. Nama : Umur: tahun
 UKM(PER): Jawatan:
 Taraf Jawatan: * Tetap / Kontrak Tarikh Sah Perkhidmatan:
 Jabatan / Pusat:
 Fakulti / Pusat / Inst.:

2. Program yang dipohon: *Separuh masa / Pengajian Jarak Jauh (PJJ) / Program Eksekutif
 Peringkat Pengajian: *Sarjanamuda / Sarjana / Doktor Falsafah
 Bidang Pengajian:
 Tempat Pengajian:
 Tempoh Pengajian: Tarikh Mula / Tamat:

Catatan: Sila lampirkan salinan surat tawaran pengajian.

3. Justifikasi mengapa program tidak boleh diikuti secara sepenuh masa (bagi kakitangan akademik):
 (i)
 (ii)
 (iii)

Tandatangan:

Tarikh:

4. **Ulasan dan Sokongan Ketua Jabatan / Pengerusi Pusat:**

Saya *bersetuju / tidak bersetuju menyokong permohonan penama untuk mengikuti pengajian secara separuh masa / Pengajian Jarak Jauh (PJJ) bagi program

.....

Ulasan:

.....

.....

Tarikh:

Tanda tangan dan cop:

**GARIS PANDUAN PENGAJIAN SECARA SEPARUH MASA/
PENGAJIAN JARAK JAUH (PJJ) / PROGRAM EKSEKUTIF
KUMPULAN PROFESIONAL DAN PENGURUSAN DAN SOKONGAN**

1. Pegawai Pentadbiran/sokongan dan kakitangan akademik yang sedang bertugas boleh dipertimbangkan untuk permohonan pengajian secara separuh masa/ pengajian jarak jauh (PJJ) di UKM atau di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam tertakluk tidak menjejaskan tugasannya.
2. **Pegawai Pentadbiran dan kakitangan sokongan** boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program pengajian secara separuh masa/pengajian jarak jauh (PJJ) dengan pengecualian yuran di UKM berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:
 - 2.1. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - 2.2. Disokong oleh Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat dan Dekan/Pengarah;
 - 2.3. Pengajian tidak boleh di Jabatan di mana pegawai ditempatkan (kecuali dengan kelulusan khas Pengerusi Jawatankuasa);
 - 2.4. Keutamaan peluang belajar secara separuh masa akan diberikan kepada pegawai yang tidak pernah mendapat kemudahan cuti belajar dalam program yang sama;
 - 2.5. Had masa belajar yang diluluskan adalah had minimum peraturan jangka masa sesuatu program pengajian secara separuh masa yang berkenaan boleh ditamatkan:

(i)	Sarjana	-	4 semester;
(ii)	Doktor Falsafah	-	8 semester;
(iii)	Sarjanamuda (PJJ)	-	7 semester.
 - 2.6. Pelepasan hanya diberikan maksimum 6 jam seminggu untuk menghadiri kuliah dan jumlah masa ini perlu digantikan semula dengan tambahan masa bekerja dalam jumlah jam yang sama. Pegawai yang diluluskan perlu memaklumkan kepada Ketua Bahagian masing-masing jadual kuliah/pertemuan yang tetap untuk rekod Jabatan dan jadual penggantian masa pejabat.
3. **Kakitangan akademik** boleh dipertimbangkan mengikuti pengajian secara separuh masa dengan pengecualian yuran berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:
 - 3.1. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - 3.2. Disokong oleh Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat dan Dekan/Pengarah;

- 3.3. Telah berumur lebih 45 tahun;
- 3.4. Belum pernah diberikan sebarang kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa dalam program yang sama;
- 3.5. Had masa belajar yang diluluskan adalah had minimum peaturan jangka masa sesuatu progam pengajian yang berkenaan boleh ditamatkan:
 - (i) Sarjana - 4 semester;
 - (ii) Doktor Falsafah - 8 semester.
4. Pegawai Pentadbiran dan Sokongan serta kakitangan akademik boleh dibenarkan mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam luar tertakluk kepada kriteria dalam perkara 3 dan 4. Walau bagaimanapun dalam keadaan ini, pegawai tdak akan diberikan pengecualian yuran.
5. Penentuan kriteria ini bukanlah bermakna Universiti menyekat peluang dan kemudahan kakitangan, sebaliknya dijadikan sebagai alat kawalan dan panduan agar pemohon lebih bertanggungjawab terhadap peluang dan kesempatan yang diberikan kerana secara tidak langsung UKM terpaksa menanggung kos per pelajar, di samping kos kerugian masa pejabat.
6. Pegawai yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, masih boleh diberikan kemudahan pelepasan mengikuti pengajian secara separuh masa/pengajian jarak jauh (PJJ) di UKM tanpa pengecualian yuran, sama seperti kemudahan yang diberikan kepada kakitangan yang memilih untuk melanjutkan pengajian di luar UKM.

**Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia**